

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

AMU 303 - Strategi Pengedaran

Masa : [3 Jam]

---

Jawab EMPAT soalan semuanya. Bahagian A adalah soalan wajib.  
Pilih dan jawab DUA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan Wajib

1. [a] Peter F. Drucker pernah berkata bahawa fungsi pengagihan merupakan satu cabang kegiatan ekonomi yang terbiar. Maksudnya, kegiatan pengagihan telah begitu lama diketepikan dan tidak pernah dipertimbangkan potensinya sebagai salah satu perkara strategik di dalam perkembangan organisasi. Pada pandangan anda, mengapakah keadaan ini terjadi?
  
- [b] Di dalam rencananya yang bertajuk, "Fit Products and Channels to Your Markets," Robert E. Weigand mempertikaikan pandangan para penulis buku-buku ilmiah di dalam bidang pemasaran bahawa kamelan produk dan saluran pengagihan itu boleh dikawal oleh organisasi. Atas alasan apakah beliau membuat saranan bahawa kedua-dua kamelan itu sebenarnya di luar kawalan organisasi? Apakah pandangan anda tentang perkara ini?

[30 markah]

85

...2/-

83

[AMU 303]

2. [a] Terangkan rasional kewujudan institusi perantara di dalam sistem sosioekonomi.
- [b] Setengah institusi perantara dikatakan mempunyai kuasa di dalam sistem pengagihan. Huraikan maksud kuasa, puncanya, dan siratannya ke atas perhubungan di antara pengeluar dengan pengedar, serta pengedar sesama pengedar.

[30 markah]

**BAHAGIAN B**

**Soalan Pilihan**

3. Perkembangan teknologi komputer dan pemprosesan maklumat sedang berkembang pesat. Bagaimanakah perkembangan ini telah memanfaatkan fungsi pengagihan?

[20 markah]

4. Sistem francais sedang mendapat perhatian dewasa ini. Apakah perbezaannya di antara pengagihan melalui sistem francais dengan pengagihan melalui struktur saluran yang tradisional? Senaraikan faktor-faktor yang perlu diberi perhatian untuk memastikan kejayaan program pengagihan melalui sistem francais?

[20 markah]

5. Di dalam merancang kegiatan pengagihan, Louis P. Bucklin merumuskan empat jenis servis-output, iaitu jumlah unit yang dibeli, kesanggupan untuk menunggu, lebaran dan dalaman barang, dan kemudahan untuk mendapatkan bekalan (lokasi), perlu diberi perhatian. Bincangkan siratan keempat-empat servis-output ini ke atas pemilihan struktur saluran pengagihan.

[20 markah]

6. Bincangkan perkembangan di dalam sektor perniagaan runcit dewasa ini, dan beri pendapat anda tentang kesannya ke atas para peniaga runcit tradisional.

[20 markah]